



PANDUAN PENGGUNAAN PENCONTOH DAN FUNGSI *AUTOCORRECT* BAGI NOTA KETERANGAN SIVIL DAN JENAYAH DI MAHKAMAH RENDAH

**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

PENGENALAN

Pencontoh nota keterangan bagi kes sivil dan jenayah merupakan salah satu inisiatif Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) untuk memudahkan Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret menaip nota keterangan secara cepat dan tepat semasa mendengar bicara penuh. Ini adalah kerana, hasil kajian PKPMP mendapati bahawa hanya **58.2%** Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret di Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia menaip nota keterangan secara terus semasa mendengar bicara penuh. Dengan adanya pencontoh nota keterangan ini, PKPMP mensasarkan 100% Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang menaip Nota Keterangan secara terus semasa mendengar bicara penuh mulai tahun 2021.

Oleh yang demikian, PKPMP telah menyediakan pencontoh nota keterangan Sivil dan Jenayah bagi Mahkamah Rendah Seluruh Malaysia sebagai satu alat bantuan kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret bagi kemudahan menaip secara terus. Objektif penyediaan pencontoh nota keterangan ini adalah supaya:

- i) Memudahkan Pegawai Kehakiman dalam menaip nota keterangan secara masa nyata (real time);
- ii) Melancarkan perbicaraan kes-kes di Mahkamah Rendah
- iii) Mengurangkan masalah tunggakan nota keterangan
- iv) Mempercepatkan proses pendengaran rayuan di Mahkamah Tinggi.

Panduan penggunaan pencontoh nota keterangan sivil dan jenayah ini mengandungi perkara berikut:

- i) Ciri-ciri pencontoh nota keterangan ringkas;
- ii) Glosari perkataan pembetulan automatik (*autocorrect*); dan
- iii) Kaedah penambahan perkataan pembetulan automatik (*autocorrect*);


CIRI-CIRI PENCONTOH NOTA KETERANGAN RINGKAS



1

PENCONTOH MENGGUNAKAN PERISIAN MICROSOFT WORD


Pencontoh nota keterangan ini menggunakan perisian Microsoft Word, perisian yang biasa digunakan oleh semua pegawai Kehakiman. Oleh itu, lebih mudah dan cepat untuk Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret membiasakan diri menggunakan pencontoh ini



2

PENCONTOH FORMAT NOTA KETERANGAN TELAH TERSEDIA


Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret tidak lagi perlu membuat format nota keterangan daripada mula. Format asas nota keterangan telah tersedia



3

PILIHAN LOKASI MAHKAMAH DAN JENIS YANG TELAH TERSEDIA


Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret hanya perlu memilih lokasi Mahkamah pada paparan pilihan yang disediakan



4

PILIHAN TARIKH BICARA YANG TELAH TERSEDIA


Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret hanya perlu memilih tarikh pada paparan kalender yang disediakan



5

PENGGUNAAN FUNGSI AUTOCORRECT MEMPERCEPATKAN PROSES MENAIP NOTA KETERANGAN

Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret hanya perlu menaip perkataan dan nota fungsi autocorrect akan menggantikan ejaan perkataan ringkas tersebut dengan perkataan yang penuh dan tepat.



Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang mendengar kes bolehlah menambah perkataan di dalam senarai autocorrect mengikut kesesuaian dan kebiasaan masing-masing Glosari yang dicadangkan adalah seperti di mukasurat 6-7.

Kaedah penambahan perkataan ringkas adalah seperti di m/s 8-9 panduan ini.

Contoh: Ejaan ringkas 'MB' akan digantikan dengan perkataan 'Minta Bicara' apabila butang ENTER ditekan.

Glosari Perkataan Pembetulan Automatik (Autocorrect)

Glosari Pencontoh Nota Keterangan Jenayah

SINGKATAN	MAKSUD
MS	Mengaku salah
MB	Minta bicara
FSAP	Faham sifat dan akibat pengakuan
JH	Jatuh hukum
TT	Tarikh tangkap
MAH	Mahkamah
TPR	Timbalan Pendakwaraya
PB	Peguambela
OKT	Orang Kena Tuduh
OKS	Orang Kena Saman
pd	pada
org	orang
dgn	dengan
yg	yang
spt	seperti
tdk	tidak

Glosari Pencontoh Nota Keterangan Sivil

SINGKATAN	MAKSUD
WS	Writ Saman
OS	Saman Pemula
SOC	Pernyataan tuntutan
SOD	Pernyataan Pembelaan
AFF	Afidavit
PLF	Plaintf
DEF	Defendan
Pd	pada
dgn	dengan
Yg	yang
spt	seperti
tdk	tidak

(Nota: Perkataan yang disediakan adalah tidak menyeluruh, Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret hendaklah membuat penambahan perkataan mengikut kesesuaian dan kebiasaan masing-masing)


Pencontoh minit pengakuan salah di dalam pembetulan automatic (Autocorrect)

SINGAKATAN	PENCONTOH
PG1	<p>DALAM MAHKAMAH TERBUKA NO. KES: TARIKH: KORAM: TIMBALAN PENDAKWARAYA : PEGUAM BELA: OKT: Hadir</p> <p>Pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada OKT di dalam Bahasa Malaysia. OKT faham tuduhan dan mengaku bersalah.</p> <p>Sebab dan akibat pengakuan bersalah diterangkan kepada OKT di mana hukuman maksima yang boleh dikenakan dijelaskan kepada OKT. OKT faham dan masih mengekalkan pengakuan bersalah.</p> <p>Fakta Kes : P1. Dibacakan dan diakui oleh OKT. Laporan polis maklumat pengadu : P2. Laporan patologi OKT: P3. Rekod Lampau: P4</p> <p>Mahkamah : OKT disabitkan dengan kesalahan seperti pertuduhan atas pengakuan sendiri yang disokong oleh fakta kes.</p> <p>Rayuan Mitigasi OKT Saya pohon ringan hukuman _____ Menyesal dengan kesalahan Pohon hukuman penjara minima dari tarikh ditangkap.</p> <p>Hujahan Balas Timbalan Pendakwaraya Berkaitan Hukuman</p> <p>Pohon hukuman setimpal sebagai pengajaran kepada OKT dan juga sebagai teladan kepada orang awam agar tidak melakukan</p>

	<p>kesalahan agar OKT tidak lagi mengulangi kesalahan sebegini. Ini adalah kesalahan berulang.</p> <p>Mahkamah: Sebelum menjatuhkan hukuman, Mahkamah telah mengambil kira perkara berikut: Pengakuan bersalah OKT Kepentingan awam Permohonan Timbalan Pendakwaraya untuk hukuman setimpal dan permohonan okt untuk hukuman ringan. Mengambil kira faktor-faktor tersebut, saya dengan ini menjatuhkan hukuman ___ bulan / tahun dari tarikh ditangkap / jatuh hukum dan dikenakan ___ sebatan.</p>
<p>PG2</p>	<p>DALAM MAHKAMAH TERBUKA NO. KES: TARIKH: KORAM: TIMBALAN PENDAKWARAYA : PEGUAM BELA: OKT: Hadir</p> <p>Pertuduhan dibaca dan diterangkan kepada OKT di dalam Bahasa Malaysia dan OKT faham tuduhan dan mengaku bersalah.</p> <p>Timbalan Pendakwaraya: Pohon tarikh baru untuk fakta dan hukuman sementara Laporan Kimia. Untuk kes ini pihak pendakwaan menawarkan jaminan sebanyak RM_____ dengan seorang penjamin . Pohon tarikh untuk serahan laporan kimia.</p> <p>Mahkamah : Tarikh seterusnya _____ untuk fakta dan hukuman. Jaminan dibenarkan RM_____ dengan seorang penjamin.</p>


Kaedah penambahan perkataan autocorrect oleh Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret

Hakim Mahkamah Sesyen dan Majistret yang mendengar kes perlu menambah perkataan di dalam senarai autocorrect mengikut kesesuaian dan kebiasaan masing-masing mengikut kaedah penambahan perkataan autocorrect seperti berikut:




Langkah 1

Pilih butang 'FILE'




Langkah 2

Pilih butang 'OPTIONS'



Langkah 3

Pilih butang 'Proofing' dan kemudian pilih 'Autocorrect Options'.





Langkah 4

Masukkan ejaan perkataan ringkas dan ejaan penuh perkataan pada ruangan yang disediakan dan tekan butang 'ok'.



Pejabat Ketua Pendafar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Presint 3, 62506
Putrajaya, Malaysia

 03-8880 3500

 03-8880 3886